

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 JAN 2015

# Najib mahu rakyat beli produk Malaysia

BH - 31/1/2015



» *Saranan bantu kekal pertumbuhan ekonomi negara*

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**eli barangan buatan tempatan untuk bantu kekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

Itulah saranan Datuk Seri Najib Razak kepada rakyat untuk mengurangkan pengaliran

wang ke luar negara, sekali gus merangsang pembangunan industri tempatan.

“Sebagai negara yang giat membangun, ekonomi negara kita ke arah ekonomi maju, kepakaran kita dalam teknologi pembuatan makin meningkat.

“Banyak produk Malaysia hari ini bukan sahaja memiliki kualiti yang setanding, malah ada yang lebih baik daripada produk import,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam rakaman Siaran Radio Perdana Menteri mengenai peranan rakyat merangsang ekonomi negara yang dimuat naik dalam blog NajibRazak.com, semalam.

“*Banyak produk Malaysia hari ini bukan sahaja memiliki kualiti yang setanding, malah ada yang lebih baik daripada produk import”*

*Najib Razak,  
Perdana Menteri*

## Langkah kurangkan impak

Najib berkata, kebanyakan negara dunia ketika ini sedang mengalami kesan kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak terkecuali dan kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan impak terhadap ekonomi negara.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita boleh membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara dengan menyokong dan membeli barangan buatan tempatan. Oleh itu, marilah kita membeli barangan buatan Malaysia,” katanya.